

# FORUM KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN ANGGOTA ATM



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4184-forum-khidmat-nasihat-persaraan-anggota-atm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4184-forum-khidmat-nasihat-persaraan-anggota-atm)

SUBANG, 28 Nov 18. Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Udara (Seksyen Latihan Peralihan) telah menganjurkan Forum Khidmat Nasihat Persaraan Anggota ATM khusus bagi warga TUDM sekitar Zon Lembah Klang.

Forum ini diadakan di Pangkalan Udara Subang selama dua hari iaitu pada 27 dan 28 Nov 18 dengan disertai hampir 140 peserta termasuk Pegawai dan anggota LLP.





Tujuan Forum ini diadakan adalah untuk memberi khidmat nasihat dan pendedahan awal kepada bakal-bakal pesara sebelum mereka menamatkan perkhidmatan dalam ATM.

Forum ini dilaksanakan dengan jalinan kerjasama daripada Jabatanarah Rekod dan Pencen (JRP), Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Jabatan Hal Ehwal Veteran(JHEV), Koperasi Tentera, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Bank Muamalat.